**Kertas Bil. 42/2020**

**MAKLUM BALAS PENYATA YANG TELAH DIBENTANGKAN SEMASA MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KEEMPAT BELAS**

**PADA 13 – 16 JULAI 2020**

---

# PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI PEMBASMIAN KEMISKINAN (JPK-PEMBASMIAN KEMISKINAN) BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR BERHUBUNG PEMBANGUNAN PERNIAGAAN ATAS TALIAN (E – DAGANG) UNTUK PENIAGA KECIL DI NEGERI SELANGOR

**KERTAS BILANGAN 12/2020**

---

**MAKLUM BALAS PENYATA OLEH JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI PEMBASMIAN KEMISKINAN BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR BERHUBUNG PEMBANGUNAN PERNIAGAAN ATAS TALIAN (E-DAGANG) UNTUK PENIAGA KECIL DI NEGERI SELANGOR YANG TELAH DIBENTANGKAN SEMASA MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KEEMPAT BELAS PADA 13 JULAI HINGGA 16 JULAI 2020**

| BIL | TAJUK PENYATA | SARANAN | DITERIMA | DITOLAK | ULASAN/ TINDAKAN MMKN |
|---|---|---|---|---|---|
| Kertas Mesyuarat Bil 12 / 2020 | **PENYATA OLEH JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI PEMBASMIAN KEMISKINAN BERHUBUNG PEMBANGUNAN PERNIAGAAN ATAS TALIAN (E-DAGANG) UNTUK PENIAGA KECIL DI NEGERI SELANGOR** | 8.1 Jawatankuasa mencadangkan supaya SITEC mensasarkan untuk menambah bilangan penerima manfaat program SITEC sehingga mencapai bilangan 100,000 peniaga kecil / usahawan yang menyertai perniagaan atas talian / syarikat e-dagang dan menambah peruntukan kewangan ke SITEC sekiranya diperlukan. | | | Dari tahun 2015 hingga kini, SITEC mempunyai seramai 625 *merchant* yang berdaftar di bawah program *Brands100*. Selain itu, SITEC juga aktif dalam membantu usahawan mikro dan peniaga kecil melalui program usahasama bersama Shopee (Program Selangor E-Bazaar Raya 2020 telah dapat melibatkan seramai 8000 orang peniaga) dan Jualan Mega 11.11 (bersama Shopee dan Lazada) yang bakal diadakan pada 11 November 2020 dengan sasaran penyertaan 10,000 orang peniaga.<br><br>Namun begitu, sasaran yang telah ditetapkan perlu dilihat semula, kerana ianya tidak pragmatik untuk menetapkan sasaran sebanyak 100,000 |

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | peniaga tanpa melihat kepada jenis perniagaan dan tempoh pelaksaanan bagi mencapai sasaran tersebut. Walau bagaimanapun, usaha sedia ada akan diteruskan mengikut keadaan semasa. |
| | | 8.2 Jawatankuasa mencadangkan supaya kerajaan negeri dapat membantu para petani di negeri Selangor dalam memasarkan dan menjual hasil pertanian mereka melalui syarikat e-dagang. | √ | | Buat masa ini, SITEC tidak mempunyai program khusus untuk petani, namun usahawan mikro dan industri kecil dan sederhana (IKS) dialu-alukan untuk memasarkan barangan secara atas talian. Namun begitu, Kerajaan Negeri melalui *Selangor Digital E-Supply Chain* (SELDEC) menyediakan platform e-dagang kepada usahawan dan petani menjual produk terus kepada pembeli tanpa melalui orang tengah. Golongan sasaran inisiatif ini adalah petani, penternak, nelayan dan usahawan IKS. Data terkini daripada SELDEC melaporkan terdapat 520 |

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | *merchant* / pengusaha, 900 pembeli berdaftar (*registered buyers*) dan 40,000 transaksi. |

Disediakan oleh :

NOR AZLINA BINTI ABDUL AZIZ
Timbalan Pengarah
Seksyen Makro Dan Penswastaan, UPEN

Tarikh : 23/10/2020

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL
AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI (EXCO)
SELANGOR DARUL EHSAN

Disemak oleh :

DR. NOR FUAD BIN ABDUL HAMID
Pengarah
Unit Perancang Ekonomi Negeri
Selangor Darul Ehsan

23/10/2020

Tarikh :

Diluluskan oleh :

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM
AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI (EXCO)
SELANGOR DARUL EHSAN

Tarikh : 27/10/2020.